

**Kesederhanaan Atasi Ekstremisme Di Filipina - Najib
Bernama
18 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 18 Okt (Bernama) -- Rangka kerja perjanjian antara kerajaan Filipina dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) yang membawa kepada berakhirnya konflik selama beberapa dekad, menjadi bukti kepada kekuatan kesederhanaan yang mengatasi ekstremisme, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana menteri, yang bangga dengan peranan Malaysia dalam membantu membawa keamanan, berkata kedua-dua pihak harus diberi pujian kerana mengetepikan perbezaan dan memilih keamanan berbanding keganasan.

"Kepercayaan dalam kesederhanaan, toleransi dan persefahaman ini adalah sesuatu kita di Malaysia sangat pertahankan dan, menerusi Pergerakan Kesederhanaan, kita perlu terus menggalakkan nilai ini di peringkat global," kata beliau menerusi entri terkini dalam blog 1Malaysia.

Isnin lepas, kerajaan Filipina dan MILF memeterai perjanjian bersejarah, dengan Malaysia sebagai pengantara, untuk menamatkan konflik yang berlarutan selama empat dekad di selatan Filipina.

Rangka kerja Perjanjian mengenai Bangsamoro itu ditandatangani oleh ketua perunding Filipina Marvic Leonen dan ketua perunding MILF Mohagher Iqbal di hadapan Presiden Filipina Benigno Aquino III dan Najib, di Manila, Filipina.

Najib berkata rangka kerja perjanjian damai itu yang turut membawa sebuah era baru dalam keamanan di selatan Filipina, merupakan suatu asas bersejarah yang menjadi landasan untuk membina keamanan yang berpanjangan.

"Masih terdapat banyak kerja yang perlu dilaksanakan dan cabaran yang menanti di hadapan. Namun begitu, kita seharusnya berasa girang memandangkan dalam kesederhaan penduduk Filipina turut memperoleh keamanan," katanya.

Beliau berkata Malaysia berusaha keras untuk merealisasikan perjanjian itu selama lebih satu dekad.

"Pada 2001, kami menjadi pemudahcara bagi perbincangan itu dan pada 2004 kami mengetuai Pasukan Pemantau Antarabangsa di Filipina.

"Laluan ke arah keamanan bukanlah mudah: banyak darah sudah tertumpah sebelum tinta akhirnya ditulis pada kertas, namun kini, sambil kedua-dua pihak berusaha untuk menyediakan perjanjian muktamad, kita boleh bersikap optimistik," katanya.

Najib berkata kedua-dua pihak komited untuk melindungi hak penduduk Bangsamoro, dan pada masa sama turut memelihara kedaulatan Filipina, serta memastikan bahawa penduduk Mindanao, sama ada orang awam atau tentera, akhirnya boleh mengharap masa depan yang lebih cerah.

"Selama beberapa tahun akan datang, kami sentiasa sedia untuk membantu dalam pembangunan Bangsamoro.

"Dengan berbuat demikian, kami dapat membantu masyarakat Bangsamoro menikmati peluang yang selama ini tidak pernah mereka impikan, Dan dengan memastikan kestabilan dan kejayaan di selatan Filipina, kita akan mengurangkan aliran migran yang saban tahun berhijrah untuk mencari kehidupan yang lebih baik di Sabah," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=703146>